

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01.04.2014

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil langkah untuk mengekang hutang isi rumah yang semakin meningkat. Apakah kesan pelaksanaan dasar ini terhadap anggota-anggota perkhidmatan awam yang memerlukan pinjaman daripada institusi kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam menangani isu berkaitan hutang isi rumah, pihak Kerajaan

termasuk Bank Negara Malaysia telah mengambil pelbagai langkah progresif bagi memastikan pengurusan kewangan dan hutang isi rumah kekal kukuh dan mampan. Untuk makluman, jumlah hutang isi rumah yang terkini pada tahun 2013 adalah sebanyak RM854.3 bilion. Namun begitu, sejak pelaksanaan langkah-langkah ini mulai tahun 2010, kadar pertumbuhan jumlah hutang isi rumah adalah lebih sederhana iaitu sebanyak 11.7% pada tahun 2013, berbanding 13.5% pada tahun 2012 dan 2011; serta 15.1% pada tahun 2010.

2. Perkembangan yang positif ini adalah hasil daripada pelaksanaan pelbagai langkah awalan yang diambil secara beransur-ansur oleh Kerajaan untuk memastikan pelarasian yang tersusun dalam sistem kewangan dan ekonomi. Dalam keadaan ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggota perkhidmatan awam dan orang ramai yang mempunyai keupayaan untuk meminjam akan terus mendapat akses kepada kemudahan pembiayaan.

3. Di samping itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk meringankan beban di kalangan anggota penjawat awam. Ini termasuk

penambahbaikan struktur ganjaran untuk penjawat awam, pemberian pelbagai bantuan tunai, pemberian pelepasan cukai khas kepada golongan berpendapatan sederhana, penambahbaikan sistem pengangkutan awam dan pembinaan rumah mampu milik seperti Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). Perkembangan hutang sektor isi rumah sentiasa dipantau oleh Kerajaan dan langkah yang bersesuaian akan diambil bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang mampan dan keupayaan membayar balik hutang kekal utuh.